

# Pelajar lepasan SPM boleh buat rayuan mohon Unisza

**KUALA TERENGGANU** - Pelajar lepasan SPM yang tidak mendapat tawaran dari mana-mana universiti boleh membuat rayuan untuk menyambung pelajaran di peringkat diploma di Unisza.

Naib Canselor Profesor Dr Yahaya Ibrahim berkata, rayuan perlu dibuat segera kerana Unisza telah menawarkan peluang kepada 1,585 pelajar berkelayakan untuk menyambung pelajaran mereka ke universiti itu pada pengambilan pertama.

"Proses rayuan boleh dibuat sekarang kerana Unisza mengalu-alukan rayuan daripada mereka, mungkin (mereka) sebelum ini tersalah pilih kursus dan sebagainya.

"Unisza sedia pertimbangkan pengambilan kedua yang akan dibuat bila-bila masa selepas pendaftaran pe-

lajar pada sesi pertama bermula pada 8 Jun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Minum Petang Bersama Media selepas ke udara di Manis FM, di sini.

Beliau berkata, proses rayuan boleh dibuat sehingga sebulan daripada tarikh pendaftaran kemasukan sesi pertama.

Menurutnya, sehingga kini telah menerima respons lebih 800 pelajar dan Unisza sedia menerima kemasukan seramai 1,280 pelajar baru berdasarkan jumlah penginapan asrama di universiti tersebut.

"Kita jangkakan seramai 1,100 pelajar akan mendaftar berdasarkan kemasukan tahun lepas, manakala 100 tempat lagi untuk pelajar yang buat rayuan," katanya.



Yahaya (kanan) semasa ke udara di Manis FM di Kuala Terengganu.

SINAR HARIAN 7/6/14